

UPM sasar tingkat pasca siswazah

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) menyasarkan peningkatan 20 peratus bilangan penuntut pasca siswazahnya kepada 13,000 menjelang 2015 selaras keupayaan institusi itu yang terkenal sebagai universiti berteras penyelidikan.

Dekan Sekolah Pengajian Siswazah UPM, Profesor Dr Bujang Kim Huat, berkata setakat ini bilangan penuntut pasca siswazah mencecah 11,000 dan pihaknya yakin sasaran itu mampu dicapai berdasarkan rekod pendaftaran penuntut baru yang meningkat setiap tahun.

Katanya, bagi penuntut program Doktor Falsafah (PhD), pihaknya menjangkakan 400 penuntut akan menamatkan pengajian masing-masing tahun ini berbanding 365 penuntut pada 2011.

“UPM adalah satu-satunya universiti yang menawarkan program Sains Veterinar, bahkan turut melahirkan graduan kejuruteraan paling ramai pada peringkat pasca siswazah.

“Sehubungan itu, kami komited memastikan sasaran itu dapat direalisasikan dengan penawaran kursus dalam pelbagai bidang, selain penyediaan kemudahan termasuk bantuan kewangan seperti biasiswa,” katanya pada Hari Terbuka dan Pameran Pasca Siswazah 2012 UPM di sini, semalam.